

ExxonMobil sumbang dana program STEM, PERMATA

[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]



Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (empat dari kanan) dan Kok Yew (kiri) bersama kontinjen IMO pada majlis penyampaian sumbangan STEM di Kuala Lumpur, semalam.

Kuala Lumpur: ExxonMobil Malaysia menyumbang RM450,000 untuk dua program sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) membabitkan Akademi Sains Malaysia dan Pusat PERMATA Pintar, **Universiti Kebangsaan Malaysia**.

Sebanyak RM300,000 disumbangkan kepada ASM bagi mengendalikan acara tahunan Cabaran Sains Kebangsaan (NSC), manakala RM150,000 bagi Pusat PER-

MATA Pintar UKM yang bertanggungjawab memilih dan melatih kontinjen negara ke Olimpiad Matematik Antarabangsa (IMO) di Hong Kong pada 6 hingga 16 Julai ini.

Ketua Eksekutif ExxonMobil Malaysia, See Kok Yew, berkata pihaknya sentiasa menyokong keperluan dalam pendidikan STEM bagi menggalakkan kemajuan sains dan teknologi di negara ini.

Beliau berkata, generasi

muda perlu menguasai sains dan matematik bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan mampu bersaing dalam pasaran global.

"Maka, ExxonMobil sentiasa memberi penekanan kepada sains dan matematik dan menggalakkan generasi muda untuk menimbang kerjaya dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan," katanya pada majlis penyerahan sumbangan berkenaan, di sini, semalam.